

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : MAJLIS PEMBUKAAN RASMI MESYUARAT AGUNG BAKTI
Lokasi : CARCOSA, KUALA LUMPUR
Tarikh : 22-06-1994

Assalamualaikum dan salam sejahtera.

Terlebih dahulu saya bersyukur kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala di atas limpah kurnia-Nya memberi kesejahteraan dan peluang bagi kita semua untuk berkumpul pada petang ini bagi menyempurnakan Majlis Pembukaan Rasmi Mesyuarat Tahunan BAKTI yang ke-17.

2. Saya mengucapkan Selamat Tahun Baru dan selamat datang kepada para hadirin dan juga terima kasih kerana dapat meluangkan masa untuk bersama-sama menunaikan tugas tahunan ini. Saya bagi pihak ahli-ahli BAKTI mengalu-alukan kehadiran Y.Bhg. Dato' Heliliah Yusof, tetamu kehormat kita, yang sudi menerima jemputan BAKTI untuk merasmikan Mesyuarat Tahunan BAKTI sebentar lagi.

3. BAKTI juga mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Y.Bhg. Dato' Heliliah di atas perlantikan beliau sebagai 'Solicitor General' atau Peguamcara Negara iaitu suatu jawatan tinggi yang ulung-ulung kali disandang oleh seorang wanita di negara ini. Perlantikan tersebut adalah suatu kehormatan bagi kaum wanita dan tepat sekali kerana penyandangannya mempunyai rekod perkhidmatan yang cemerlang.

4. Dato' Heliliah Yusof dilahirkan di Ipoh dan menerima pendidikan asasnya di sana. Selepas menerima Ijazah L.L.B.

Hons. dari Universiti Singapura pada 1970, beliau mula bertugas dalam perkhidmatan kehakiman dan undang-undang (judicial & legal services) sebagai Majistret di Kuala Lumpur, Klang dan Kajang sebelum ditukarkan ke Bahagian Penasihat, Jabatan Peguam Negara sebagai Federal Counsel atau Peguam Persekutuan. Pada 1971 hingga 1975, beliau adalah Peguam Persekutuan di Kementerian Pengangkutan dan pada 1976 hingga 1979 sebagai Peguam Kanan Persekutuan Kementerian Perdagangan dan Perusahaan.

5. Dalam tahun 1980an pula, beliau bertugas semula di Jabatan Peguam Negara sebagai Peguam Kanan Persekutuan Bahagian Antarabangsa, Timbalan Ketua Bahagian Penasihat dan Ketua Bahagian Penasihat dan Antarabangsa. Dato' Heliliah juga memegang jawatan sebagai Pengerusi Undang-Undang Parlimen sebelum dilantik sebagai Peguamcara Negara pada 1 Januari 1994 selepas 24 tahun bertugas.

6. Tanggungjawab dan tugas sebagai Peguamcara Negara adalah luas termasuk memberi nasihat undang-undang, menyediakan draf undang-undang dan kertas-kertas kajian, menghadiri mesyuarat-mesyuarat perundingan dan persidangan dan menyediakan serta menyemak teks perjanjian.

7. Tugasnya yang meliputi soal-soal antarabangsa telah membawa Dato' Heliliah berkunjung ke banyak negara di Benua Eropah, Afrika, Amerika dan di Asia.

8. Tentu sekali apa juga yang berkaitan dengan undang-undang dan pelaksanaannya memerlukan pemikiran dan keputusan yang tepat, teliti dan jitu. Kita penuh yakin Dato' Heliliah dapat memenuhi segala yang diharapkan daripada beliau, dan membuktikan bahawa wanita juga bukan sahaja boleh menyandang, tetapi melaksanakan tugas-tugas yang berat yang dahulunya biasa disandang oleh kaum lelaki sahaja. Kami mengucapkan syabas kepada Dato' Heliliah dan terima kasih kepada Kerajaan kerana memberi penuh kepercayaan kepada seorang wanita sebagai Peguamcara. BAKTI berdoa semoga Y.Bhg. Dato' Heliliah terus sihat sejahtera dan bertugas dengan jaya dan cemerlang.

9. BAKTI berumur 17 tahun kini. Bersyukur kita kerana BAKTI masih aktif dan mendapat perhatian dan sokongan orang ramai, khasnya pihak swasta. Objektif utama BAKTI untuk membantu golongan-golongan yang memerlukan bantuan telah dapat dipenuhi dengan baik. JKK Kebajikan telah menyumbang hampir RM800,000/- kepada individu-individu, kumpulan-kumpulan atau institusi-institusi

yang memerlukannya. JKK Bencana Alam telah menyumbang RM134,550/- termasuklah kepada mangsa-mangsa tragedi alam, banjir, kebakaran dan sebagainya. JKK Dermasiswa pula menambah sumbangan dermasiswa kepada murid-murid sekolah serta menyumbang sekali lagi kepada institusi-institusi pendidikan tinggi.

Sejumlah RM322,600 diagih-agihkan. Dari tahun lepas hingga 30 April 1994 lalu, sumbangan BAKTI kepada masyarakat sudah mencapai sebanyak RM1,186,672.

10. Pada tahun ini, BAKTI akan mengisi tabung kebajikannya dengan mengadakan Malam Amal. Adalah diharapkan ahli-ahli BAKTI akan bekerja keras dan saya merayu kepada rakan-rakan dan penyokong-penyokong BAKTI supaya mendermalah kepada Tabung Kebajikan BAKTI seperti dahulu. Kerjasama dan bantuan daripada pihak swasta dan para dermawanlah yang membolehkan BAKTI menyumbangkan derma itu balik kepada golongan-golongan yang benar-benar memerlukan bantuan.

11. Aktiviti-aktiviti BAKTI yang telah disempurnakan pada tahun lalu hingga April ini telah dilaporkan seperti dalam buku cenderamata. Satu lagi rancangan yang besar tahun ini ialah Perlawanan Badminton Piala Pusingan Perdana '94 yang akan diadakan di Perlis pada bulan Oktober ini. Ini adalah perlawanan tahunan antara isteri pemimpin-pemimpin peringkat negeri dan pusat secara berpasukan. Bermulanya pada tahun 1985, acara sukan badminton ini diwujudkan sebagai suatu cara untuk mengeratkan kemesraan melalui sukan selain untuk faedah kesihatan dan kebolehan bermain badminton. Semua negeri, kecuali Kelantan, akan bertanding dalam perlawanan badminton kali ini.

12. Saya mengakhiri ucapan ini dengan mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada Jawatankuasa Tadbir dan mereka yang telah mengelolakan Majlis Perasmian ini dengan baik dan juga kepada YBhg. Dato' Heliliah Yusof kerana memberi kehormatan kepada BAKTI dengan kehadiran beliau.

13. Semoga Allah Subhanahu wa Ta'ala mengurniakan taufik dan hidayah-Nya kepada kita semua dan memberkati majlis BAKTI pada hari ini.

Wassalamualaikum.
